

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED@HASHIM
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan pembinaan Drawbridge Terengganu yang berada di bawah East Coast Economic Region (ECER) sebelum diserahkan kepada Kerajaan Terengganu. Adakah jambatan itu dibina menepati spesifikasi yang ditetapkan setelah berbincang dengan agensi pengguna laluan perkapalan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Perikanan dan operasi Crewchange Petronas dan Exxonmobile di Pulau Duyong, Kuala Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja reka bentuk dan spesifikasi telah dimuktamadkan pada tahun 2012-2013 dengan mengambil kira input dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan termasuk MSet (pengusaha industri perkapalan di Terengganu) dan pembinaan telah dilaksanakan berdasarkan reka bentuk dan spesifikasi tersebut. Mesyuarat peraksanaan penyelarasan juga telah diadakan bersama agensi-agensi yang terlibat dari masa ke semasa sepanjang tempoh pelaksanaan projek tersebut.

Operasi "*crew change*" oleh Petronas dan Exxon Mobil hanya bermula pada lewat 2017 di mana pembinaan struktur jambatan telah hampir siap. Walau bagaimanapun beberapa siri perbincangan bersama pihak Petronas dan Exxon Mobil (bersama pihak Kerajaan Negeri) telah dilakukan dan semua isu operasi tersebut telah diselesaikan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 17.7.2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan projek bekalan air luar bandar ke Kg. Suang Pai, Kudat dan Kg. Limau-Limauan, Kudat akan dilaksanakan. Apakah kerja-kerja di lapangan telah dimulakan dan apakah status terkini projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke Kampung Suangpai, Kudat, Sabah sedang dalam peringkat pembinaan bermula 22 Mei 2019 dan dijangka siap pada 22 Ogos 2020 dengan tempoh pembinaan selama 15 bulan. Projek ini dilaksanakan dengan kos kerja sebanyak RM7.3 juta dan akan memberi manfaat kepada 120 buah rumah.

2. Manakala, bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kampung Limau-Limauan, Kudat, Sabah juga sedang dalam peringkat pembinaan bermula 22 Mei 2019 dan dijangka siap pada 22 November 2020 dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan. Projek ini dilaksanakan dengan kos kerja sebanyak RM18.9 juta dan akan memberi manfaat kepada 450 buah rumah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

TARIKH : 17 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kerajaan bagi membolehkan Gua Niah dijadikan tapak warisan dunia (UNESCO) dan nyatakan berapakah tempoh masa bagi status ini dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) menyambut baik dan menyokong hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencalonkan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Sehubungan itu, perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah diadakan pada 20 Jun 2019 bagi menerangkan berkaitan kepentingan melindungi tapak di peringkat nasional terlebih dahulu seperti mewartakannya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] selaras dengan para 97, UNESCO Operational Guidelines yang menyatakan “..Similarly States Parties should demonstrate adequate protection at the national, regional, municipal, and/or traditional level for the nominated property”.

NO. SOALAN : 24

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses keseluruhan untuk satu-satu pencalonan kebiasaannya mengambil masa sekurang-kurangnya tiga (3) hingga sepuluh (10) tahun bergantung kepada penyelidikan yang lengkap serta perkara-perkara lain yang berkaitan; proses pewartaan di peringkat nasional; penghantaran dokumen *tentative list*; penyediaan dossier pencalonan; misi penilaian dan lain-lain. Pihak JWN selaku *state party* Kerajaan Malaysia akan membantu dari segi khidmat nasihat penyediaan maklumat-maklumat tersebut serta penghantaran pencalonan tapak ini kepada pihak UNESCO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 17 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pendirian atau dasar Kerajaan terhadap syarikat-syarikat dan agensi-agensi pelancongan yang melaksanakan pakej pelancongan ke Israel.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia masih berpegang kepada dasar luar yang tidak mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara yang sah dan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara tersebut. Sehubungan itu, penganjuran pakej pelancongan oleh agensi pelancongan tempatan ke Israel bagi warganegara yang menggunakan pasport Malaysia adalah tidak selaras dengan dasar luar negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan membenarkan pengecualian tertentu bagi lawatan-lawatan yang melibatkan tujuan keagamaan yang mana memerlukan pertimbangan dan kelulusan khas Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.